



## BAGAIMANA ISLAM MENGATUR KEKOSONGAN PEMERINTAHAN

Akhirnya Parlimen telah dibubarkan pada 3 April 2013 untuk memberi laluan kepada pilihan raya umum (PRU) ke-13, setelah lebih 5 tahun berlalu dari pilihan raya umum sebelumnya. Hal ini mencatat sejarah tersendiri di Malaysia kerana tidak pernah terjadi sebelum ini. Bersamaan dengan pembubaran Parlimen ini, kebanyakan Dewan Undangan Negeri juga telah turut dibubarkan bagi tujuan mengadakan pilihan raya serentak di seluruh negara. PRU kali ini disifatkan oleh banyak pihak, khususnya oleh parti-parti yang bertanding sebagai PRU yang paling penting, paling getir dan paling mendebarakan. Parti pemerintah terpaksa berhempas pulas demi mempertahankan kekuasaan kerana sekiranya hilang kuasa, maka kemungkinan segala skandal, rasuah, penyelewengan, salah-laku, salah-tadbir, pembaziran dan segala macam keburukan akan lebih banyak terdedah dan mungkin sahaja mereka yang terlibat akan diheret ke mahkamah. Namun, apa yang lebih menakutkan bagi mereka ialah, kalah pilihan raya bermakna hilangnya jawatan, pangkat, kekayaan dan segala kuasa yang mereka miliki selama ini. Hilangnya kuasa bagi mereka yang sangat gilakannya, seolah-olah hilanglah dunia ini, kerana mereka hidup sememangnya untuk mencari dunia. Maka, tak hairanlah jika parti pemerintah akan mempertahankan Putrajaya 'hingga ke titisan darah terakhir'.

Manakala bagi pembangkang pula, inilah saat yang paling dinanti-nanti selama ini. Penantian selama lebih lima tahun merupakan satu penyiksaan yang amat berat bagi mereka. Hasrat berkobar-kobar untuk ke Putrajaya sudah tidak dapat dibendung. Dengan segala kepincangan yang dilakukan oleh kerajaan sepanjang lima tahun lepas, pembangkang merasakan bahawa mereka berada di puncak kekuatan dalam menghadapi PRU kali ini. Apatah lagi dengan sokongan yang ditunjukkan oleh rakyat setiap kali pembangkang mengadakan demonstrasi dan perhimpunan, maka tidak hairanlah jika pembangkang merasakan perjalanan mereka ke Putrajaya kali ini cukup selesa walaupun mencabar. Namun demikian, bagi umat Islam yang mengambil berat urusan saudara-saudara mereka, kesedihan dan kepiluan sekali lagi menyusuk ke kalbu menyaksikan perbalahan dan 'peperangan' yang bakal tercetus dalam PRU kali ini, malah kali ini mungkin jauh lebih hebat dari PRU-PRU sebelumnya, apatah lagi melihat kepada budaya samseng yang semakin menular. Saat inilah api permusuhan, dendam, fitnah, kebencian dan segala bentuk api kejahatan akan marak membakar, khususnya di kalangan pihak-pihak yang bertanding dan penyokong-penyokong mereka. Kita tidak dapat nafikan hakikat bahawa tatkala pihak-pihak yang bertanding dan para penyokong mereka sibuk berpesta demokrasi, syaitan juga turut sibuk berpesta dan tidak putus-putus membisik dan menyucuk-nyucuk ke dalam kalbu setiap orang agar memusuhi dan membenci saudara seagamanya, agar menghentam satu sama lain, memfitnah, memaki-hamun dan mungkin sampai ke tahap mencederakan satu sama lain. Kesemuanya demi merebut kerusi untuk memastikan takhta pemerintahan menjadi milik mereka. Inilah demokrasi.

### Demokrasi vs Islam

Setelah Parlimen dan Dewan Undangan Negeri terubur, satu perkara yang menjadi isu sebelum terbentuknya kerajaan yang akan datang (selepas PRU) adalah, siapakah pemerintah dan apakah bidang kuasanya di sepanjang "tempoh kekosongan" pemerintahan ini? Pelbagai hujah berlawanan yang dikemukakan oleh kerajaan mahupun pembangkang dan juga pakar undang-undang dalam hal ini. Ringkasnya, apa hujahnya sekalipun, amalan yang dilaksanakan di Malaysia dan disepakati ramai adalah wujudnya "*caretaker government*" (kerajaan sementara) yang mentadbir di sepanjang tempoh pembubaran Parlimen ini sehinggalah kepada terbentuknya kerajaan yang baru. Inilah yang diterima umum, baik oleh kerajaan, pembangkang mahupun rakyat. Siapakah *caretaker government* ini? Ia adalah kerajaan (badan Eksekutif – Perdana Menteri dan menteri-menteri kabinet) yang sedia ada termasuk kakitangan awam di bawah mereka. Apakah bidang kuasa mereka? Mereka mempunyai bidang kuasa untuk mentadbir urusan seharian negara tetapi tidak lagi mempunyai bidang kuasa Legislatif.

Banyak lagi perbincangan tentang *caretaker government* dan bidang kuasanya, yang tidak perlu dijelaskan di sini kerana apa yang ingin ditekankan ialah keanehan sikap sebahagian besar umat Islam, termasuklah parti Islam yang bertanding dalam pilihan raya demokrasi di Malaysia ini yang tidak mepedulikan dari manakah asalnya *caretaker government* ini dan apakah ia sah menurut pandangan syarak? Umum mengetahui bahawa sebagai anak didik penjajah, kerajaan Malaysia mewarisi dan mengikuti sistem pemerintahan dari United Kingdom (UK) dan dari segi demokrasi berparlimen, sistem *Westminster* UK menjadi tiruan dan amalan di Malaysia. Begitulah juga dengan amalan *caretaker government* yang turut diambil dari negara kafir penjajah itu. Di Britain, kali pertama *caretaker government* ini berlaku adalah pada tahun 1945 tatkala kerajaan campuran konservatif-buruh pimpinan Sir Winston Churchill terpecah ketika parti buruh menarik diri. Akibatnya Churchill telah meletak jawatan. Sebuah kerajaan sementara (*caretaker government*) telah ditubuhkan oleh Raja Britain ketika Britain menjalankan proses pilihan raya. Parti buruh yang diketuai oleh Clement Atlee telah kemudiannya memenangi pilihan raya tersebut dan membentuk kerajaan.

Demokrasi sebagai sebuah sistem yang datangnya dari kafir Barat, ternyata berbeza dan bertentangan dengan Islam dari segenap aspek. Apabila berbicara tentang sistem Parlimen, umat Islam hendaklah memahami dari asasnya bahawa tidak ada Parlimen dan tidak ada konsep pembubaran Parlimen dalam Islam! Memang benar adanya sebagaimana fungsi Parlimen dalam sistem demokrasi. Pemerintah dalam Islam ialah Khalifah dan Khalifah boleh memerintah selama mana tidak tercabut darinya sebab-sebab yang syari'e yang menyebabkan jawatannya gugur. Di dalam Islam juga, tidak ada konsep Khilafah terubur dengan sendiri setelah cukup/tamat tempoh pemerintahannya. Tidak ada tempoh tertentu bagi jawatan Khalifah. Kekosongan pemerintahan (keKhilafahan) hanya boleh terjadi apabila Khalifah meninggal, meletak jawatan, murtad, menjadi fasik, menukar jantina, menjadi tawanan musuh sehingga tidak ada jalan melepaskan diri atau hilang kemampuan atas sebab-sebab tertentu. Selama mana Khalifah masih memenuhi tujuh syarat keKhilafahan dan selama mana dia memerintah dengan Kitabullah dan Sunnah RasulNya, maka selama itulah dia kekal memerintah dan umat wajib mentaatinya serta umat tidak berhak untuk mencabut pemerintahannya. Umat hanya memiliki hak untuk melantik dan membai'at Khalifah tetapi tidak mempunyai hak secara syari'e untuk memecat Khalifah.

Sekiranya berlaku kekosongan dalam jawatan Khalifah oleh sebab-sebab di atas, Islam telah menetapkan cara untuk menangani perkara ini yang diistidlal (berdasarkan dalil-dalil) dari Ijmak Sahabat. Dari segi tempoh waktu, sahabat telah berijmak (bersepakat) bahawa tidak boleh ada kekosongan jawatan Khalifah lebih dari 3 hari dan sekiranya ini berlaku, maka keseluruhan umat Islam berdosha kecuali mereka yang sibuk dalam usaha untuk melantik Khalifah. Manakala dalam sistem demokrasi di Malaysia, tempoh waktu kosong dari adanya seorang ketua negara dibenarkan sehingga 60 hari. Hal ini amat nyata bertentangan dengan Islam. Manakala apabila berlaku kekosongan pemerintahan dalam Islam, maka wajib dilantik *al-amir al-muaqqat* (amir sementara) untuk menguruskan urusan kaum Muslimin sehinggalah dibai'ahnya seorang Khalifah yang baru dalam masa yang tidak boleh melebihi 3 hari. Islam tidak mengenal istilah *caretaker government* dan konsep ini tidak boleh diamalkan oleh umat Islam kerana bertentangan dengan nas.

## Dalil Pengangkatan Amir Sementara

Dalil berhubung pelantikan atau pengangkatan *al-amir al-muaqqat* (amir sementara) ini adalah didasarkan pada tindakan Khalifah Umar al-Khattab ra yang melantik Suhaib untuk mengurus proses pengangkatan Khalifah yang baru di saat Umar sakit tenat akibat ditikam. Tindakan Umar ra ini disaksikan oleh para sahabat - semoga Allah meredhai mereka semua - dan tidak seorang pun dari mereka yang mengingkarinya. Dengan demikian, mereka telah *berijmak* (bersepakat) atas hal ini atau dengan kata lain, hal ini telah menjadi Ijmak Sahabat. Umar ra berkata kepada keenam-enam calon yang dilantik untuk menjadi Khalifah, “*Apabila aku meninggal, bermesyuaratlah kalian selama tiga hari. Hendaknya Suhaib yang mengimami solat orang ramai sehingga tidaklah masuk hari keempat, kecuali kalian wajib sudah memiliki seorang amir (Khalifah)*”. Kemudian Umar ra berkata kepada Suhaib ra, “*Pimpinlah solat orang ramai selama tiga hari.. jika lima orang telah bersepakat dan meredhai seorang (untuk menjadi Khalifah), lalu ada seorang yang menolak, maka penggallah leher orang yang menolak itu dengan pedang*” [Ath-Thabari, *Tarikh al-Umam wa al-Muluk*, II/581].

Begitulah tegasnya kewajipan melantik seorang Khalifah dalam masa yang tidak boleh melebihi 3 hari sehingga Umar memerintahkan agar dibunuh sahabat yang tidak bersetuju selepas berlalunya 3 hari. Umar telah melantik Suhaib sebagai amir bagi mereka bahkan Suhaib telah dilantik sebagai pemimpin solat. Kepemimpinan solat itu maksudnya adalah kepemimpinan ke atas masyarakat. Pelantikan Suhaib sebagai amir sementara amat jelas dari *solahiyah* (bidang kuasa) yang diberikan oleh Umar kepada beliau untuk menjalankan *uqubat* (hukuman) iaitu “*penggallah leher orang yang menolak*” sementara tidak ada yang boleh melaksanakan hukuman bunuh itu kecuali seorang amir.

Apa yang dilakukan oleh Umar ra ini benar-benar terjadi dan disaksikan oleh para sahabat tanpa ada seorang pun yang mengingkarinya. Dengan demikian, mereka telah *berijmak* bahawa Khalifah memiliki hak untuk melantik amir sementara yang akan mengurus proses pengangkatan Khalifah yang baru. Atas dasar itu juga, Khalifah, semasa hidupnya memiliki hak untuk *mentabanni* (menetapkan) fasal yang menetapkan bahawa jika Khalifah meninggal dan belum melantik amir sementara untuk mengurus proses pengangkatan Khalifah yang baru, maka hendaklah ada salah seorang yang menjadi amir sementara (*Muqaddimah ad-Dustur*, Hizbut Tahrir, hlm. 136-137; *Ajizah Daulah al-Khilafah*, Hizbut Tahrir, hlm. 29-31).

Amir sementara berbeza dengan orang yang dilantik oleh Khalifah untuk mewakili Khalifah ketika beliau keluar untuk melakukan jihad atau keluar melakukan *safar* (perjalanan). Hal ini sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW setiap kali baginda keluar untuk berjihad atau seperti ketika baginda melaksanakan Haji Wada' atau seumpamanya. Orang yang diangkat dalam keadaan ini, bidang kuasanya bukan untuk mengurus pelantikan Khalifah lain tetapi hanya terbatas setakat apa yang ditentukan oleh Khalifah yang melantiknya, dalam menjalankan *ri'ayah asy-syu'un* (pengaturan pelbagai urusan) [*Muqaddimah ad-Dustur*, hlm. 136-137; *Ajizah Daulah al-Khilafah*, hlm. 29-31].

Jawatan amir sementara berakhir apabila sepenuhnya pengangkatan Khalifah yang baru. Ini kerana tugasnya memang hanya untuk sementara waktu yakni sementara sepenuhnya perjalanan proses pengangkatan Khalifah yang baru tersebut.

## Tatacara Pelantikan Dan Bidang Kuasa Amir Sementara

Berdasarkan penjelasan di atas, orang yang menjadi amir sementara adalah orang yang dilantik oleh Khalifah ketika Khalifah merasa bahawa hidupnya sudah tidak lama lagi, seperti yang dilakukan oleh Umar al-Khattab ra. Hizbut Tahrir telah menjelaskan perkara ini secara terperinci di dalam kitab *Muqaddimah Dustur Au Asbab al-Mujibah Lahu*, Fasal 33 tentang penetapan amir sementara dan bidang kuasanya, seperti berikut:-

Amir sementara (*al-amir al-muaqqat*) dilantik untuk menangani urusan kaum Muslimin dan melaksanakan proses pengangkatan Khalifah yang baru setelah kosongnya jawatan Khalifah melalui cara-cara berikut:-

(a) Khalifah sebelumnya, ketika merasa ajalnya sudah dekat atau bertekad untuk mengundurkan diri (meletak jawatan), dia memiliki hak untuk menunjukkan atau melantik amir sementara;

(b) Jika Khalifah meninggal dunia atau diberhentikan sebelum terlantiknya amir sementara, atau jika kosongnya jawatan Khalifah bukan kerana meninggal atau diberhentikan, maka Mu'awin at-Tafwidh (pembantu Khalifah dalam bidang pemerintahan) yang paling tua usianya, menjadi amir sementara, kecuali jika dia ingin mencalonkan dirinya untuk jawatan Khalifah, maka yang menjawat amir sementara adalah Mu'awin at-Tafwidh yang lebih muda dan begitulah seterusnya;

(c) Jika semua Mu'awin at-Tafwidh ingin mencalonkan diri masing-masing, maka Mu'awin at-Tanfudz (pembantu Khalifah dalam bidang pentadbiran) yang paling tua usianya menjadi amir sementara. Sekiranya dia ingin mencalonkan diri, maka yang lebih muda berikutnya menjadi amir sementara dan demikianlah seterusnya;

(d) Jika semua Mu'awin at-Tanfudz ingin mencalonkan diri untuk jawatan Khalifah, maka amir sementara dibatasi pada Mu'awin at-Tanfudz yang paling muda usianya;

(e) Amir sementara tidak memiliki bidang kuasa untuk *mentabanni* (menetapkan) hukum; dan

(f) Amir sementara menggunakan seluruh keupayaan yang dimilikinya untuk melaksanakan secara penuh proses pengangkatan Khalifah yang baru dalam tempoh tiga hari. Tidak boleh diperpanjang waktunya kecuali kerana sebab yang memaksa dan itu pun dilakukan atas persetujuan Mahkamah Mazhalim.

Sebagaimana yang telah disebutkan dalam Fasal 33 (f) di atas, bidang kuasa amir sementara itu amat jelas, iaitu menjaga urusan kaum Muslimin khususnya di sepanjang proses pengangkatan Khalifah yang baru, agar proses itu berjalan dengan sempurna dan menepati tempoh yang ditetapkan iaitu selama 3 hari dan tidak boleh melebihi 3 malamnya. Oleh yang demikian, terkait dengan persoalan ini, amir sementara tidak boleh *mentabanni* (mengadopsi) suatu hukum, sebab *pentabannian* hukum itu adalah sebahagian dari bidang kuasa Khalifah yang dibai'at oleh umat.

Selain itu, alasan ketidakbolehan amir sementara *mentabanni* suatu hukum adalah kerana sifat bidang kuasanya yang sementara dan dibatasi oleh waktu. Dalam pada itu, amir sementara juga tidak boleh mencalonkan diri untuk jawatan Khalifah atau mendukung salah seorang calon yang ada. Ini adalah kerana, Umar al-Khattab ra telah menunjukkan amir sementara itu dari selain orang yang dicalonkan untuk menduduki jawatan Khalifah [*Muqaddimah ad-Dustur*, hlm. 136; *Ajizah Daulah al-Khilafah*, hlm. 30].

## Khatimah

Wahai kaum Muslimin! Fikirkanlah dengan hati yang penuh keimanan dan ketakwaan yang ingin melihat agama Allah diamalkan oleh setiap Muslim yang merupakan saudaranya, sudah berapa jauh sistem dan undang-undang negara ini dari Islam. Berapa lama lagikah kalian ingin bergelumbang dalam sistem demokrasi yang bertentangan dengan Islam ini? Kita sememangnya inginkan perubahan dan ingin keluar dari segala kejahatan sistem dan pemerintah yang ada, namun persoalannya, apakah jalan perubahan yang kita ambil sekarang ini bertepatan dengan jalan perubahan yang ditunjukkan oleh Rasulullah melalui Sunnahnya atau bertepatan dengan jalan perubahan yang ditunjukkan oleh Lord Reid melalui 'kitab'nya yang menjadi pegangan teguh di Malaysia? Allah SWT bertanya, “*Apakah hukum jahiliyah yang mereka kehendaki, dan (hukum) siapakah yang lebih baik daripada (hukum) Allah bagi orang-orang yang yakin?*” [TMQ al-Mai'dah (5):50].